



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

**SAMBUTAN HARI METEOROLOGI
SEDUNIA 2026
'PEMANTAUAN HARI INI,
PERLINDUNGAN HARI ESOK'**

31 MAC 2026 (SELASA)

**DEWAN CANSELOR TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

[SALUTASI AKAN DIKEMASKINI]

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul di Dewan Canselor Tun Abdul Razak sempena Sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2026. Saya ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas penganjuran majlis yang penuh bermakna ini.

2. Kehadiran rakan-rakan strategik daripada pelbagai agensi, para akademik, dan mahasiswa di sini membuktikan bahawa agenda kelestarian alam dan keselamatan iklim bukan lagi tugas satu pihak sahaja, tetapi merupakan tanggungjawab kolektif kita semua.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

**REALITI IKLIM: SATU SERUAN
KEPADA TINDAKAN**

3. Saban hari, kita bangun pagi dan melihat ke luar jendela. Jika dahulu cuaca kita boleh dijangka, kini ia seakan-akan menjadi teka-teki yang sukar dirungkai. Kita melihat fenomena hujan lebat luar biasa yang

mengakibatkan banjir kilat di kawasan bandar dalam sekelip mata. Kita juga merasai bahang panas yang mencengkam, di mana suhu harian seolah-olah mencecah tahap yang tidak pernah kita bayangkan sebelum ini.

4. Ini bukan sekadar "cuaca buruk". Ini adalah rintihan alam yang sedang berubah. Tema kita pada hari ini, **“Pemantauan Hari Ini, Perlindungan Hari Esok”**, adalah satu peringatan yang sangat tepat pada masanya. Ia memberitahu kita bahawa apa yang kita perhatikan hari ini melalui data saintifik adalah kunci untuk kita menyelamatkan nyawa anak cucu kita pada masa hadapan.

5. Tanpa pemantauan yang tepat, kita ibarat nakhoda kapal yang berlayar di tengah lautan badai tanpa kompas. Pelaburan dalam memperkasakan sistem pemerhatian cuaca, iklim, dan alam sekitar adalah benteng pertahanan paling utama negara. Maklumat awal yang kita perolehi bukan sekadar angka di skrin komputer, ia adalah penentu kepada keselamatan makanan kita, kelestarian sumber air, dan perlindungan kesihatan awam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

**UNJURAN IKLIM MALAYSIA:
AMARAN DARI SAINS**

6. Sains tidak pernah berbohong. Unjuran iklim bagi Malaysia menunjukkan masa depan yang mencabar. Suhu purata negara kita dijangka meningkat antara 1.7 darjah Celcius hingga 2.1 darjah Celcius menjelang tahun 2100. Mungkin angka satu atau dua darjah nampak kecil bagi sesetengah pihak, tetapi bagi alam semula jadi, ia adalah perbezaan antara keseimbangan dan bencana.

7. Kita juga bakal berdepan peningkatan hujan tahunan antara sembilan peratus hingga 25 peratus. Bayangkan impaknya kepada infrastruktur bandar kita jika kita tidak bersedia dari sekarang. Ditambah pula dengan kenaikan paras laut setinggi kosong

perpuluhan tujuh meter (0.7 meter) yang mengancam kawasan pesisir pantai. Keadaan ini akan meletakkan lebih ramai penduduk kita dalam risiko banjir dan hakisan pantai yang kritikal.

8. Oleh itu, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sangat komited dalam memperkukuh agenda adaptasi perubahan iklim. Kita sedang melaksanakan Pelan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP) untuk memastikan Malaysia kekal berdaya tahan. Kita mahu memastikan bahawa apabila bencana melanda, rakyat kita sudah bersedia, komuniti kita mempunyai pelan tindakan, dan aset negara terlindung.

Hadirin yang dihormati sekalian

**EARLY WARNING FOR ALL
(EW4ALL): HAK SETIAP RAKYAT**

9. Saya ingin memetik kata-kata Setiausaha Agung PBB, António Guterres: *"Sistem amaran awal dan kesiapsiagaan menyelamatkan nyawa. Ia bukan satu kemewahan, tetapi alat yang kos-efektif untuk menyelamatkan pekerjaan, aset, dan nyawa."*

10. Di bawah inisiatif global **Early Warning for All (EW4All)**, matlamat kita jelas: Menjelang tahun 2027, setiap rakyat Malaysia, tidak kira di ceruk mana mereka berada, mesti dilindungi oleh sistem amaran awal yang berkesan. Amaran awal bukan sekadar

menghantar SMS atau membunyikan siren. Ia adalah tentang keupayaan kita menterjemahkan data saintifik yang kompleks kepada tindakan pantas oleh pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat.

11. Pemantauan hari ini melalui MET Malaysia membolehkan kita memberikan perlindungan esok kepada nelayan di laut, petani di bendang, dan keluarga di kawasan rendah yang sering dilanda banjir.

Hadirin sekalian,

**INOVASI CMAQ: KEJAYAAN
KERJASAMA STRATEGIK**

12. Satu lagi pencapaian yang membanggakan kita hari ini ialah peluncuran Model Pemantauan Kualiti Udara yang dinamakan **Community Multiscale Air Quality (CMAQ)**. Sistem ini adalah bukti nyata keberhasilan kolaborasi antara pakar teknologi di MET Malaysia dengan para penyelidik hebat dari UKM.

13. Dengan peruntukan Tiga Perpuhuan Dua Lapan Juta Ringgit (RM3.28 juta) di bawah RMK-12, kita kini mempunyai Sistem Ramalan Kualiti Udara

Nasional yang lebih canggih. CMAQ akan menjadi 'mata' kita dalam mengesan zarah pencemaran di ruang udara. Ia akan membantu agensi seperti NADMA, KKM, dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk bertindak lebih awal dalam menghadapi ancaman jerebu atau pencemaran udara merentas sempadan.

14. Inilah komitmen Kerajaan—memanfaatkan sains dan teknologi demi kesejahteraan rakyat agar mereka menerima maklumat kualiti udara yang pantas, tepat, dan boleh dipercayai.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

**PENUTUP: WARISAN UNTUK
GENERASI MASA DEPAN**

15. Sebagai penutup, ingin saya tegaskan bahawa setiap stesen meteorologi yang kita bina, setiap sensor radar yang kita pasang, dan setiap model simulasi yang kita bangunkan, semuanya adalah pelaburan untuk masa depan Malaysia.

16. Kita tidak mahu mewariskan sebuah negara yang rapuh kepada generasi akan datang. Kita mahu mewariskan Malaysia yang selamat, mampan, dan berdaya tahan. Agenda EW4All dan pemerkasaan MET Malaysia adalah jambatan yang menghubungkan usaha

kita hari ini dengan keselamatan masa depan.

17. Saya menyeru kepada semua agensi kerajaan, pihak industri, akademia, dan seluruh lapisan masyarakat—marilah kita berganding bahu. Cintailah alam kita, hargailah data cuaca kita, dan marilah kita bertindak berasaskan ilmu.

18. Saya dengan penuh sukacita merasmikan **Sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2026** bertemakan **‘Pemantauan Hari Ini, Perlindungan Hari Esok’**.

Sekian dan terima kasih.